



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DAN PERUBAHAN PENGURANGAN LANGKAH-LANGKAH PENJARAKAN SOSIAL

YANG DIAMBIL BERIKUTAN SITUASI COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

06 Safar 1442 / 24 September 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 06 Safar 1442H bersamaan 24 September 2020M, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 146 orang.**
 - Kes 146 ialah seorang lelaki tempatan berumur 29 tahun yang tiba ke Negara Brunei Darussalam dari India pada 18 September 2020 dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI4112 (tempat duduk 26J). Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini, berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi

pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) setakat ini telah mengenalpasti lima (5) orang kontak yang mana tiga (3) daripadanya telah disahkan negatif bagi COVID-19 manakala selebihnya masih menunggu keputusan ujian makmal.

2. Sementara itu, daripada jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, seramai **142 kes telah disahkan sembuh.**
3. Pada hari ini, seramai **428** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **6,014** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **325** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah

keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **57,517** ujian.

5. Sementara itu, mengambilkira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai **perubahan** pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang akan bermula pada **hari Isnin, 28 September 2020** seperti berikut:

- i) Menaikkan aktiviti arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*) dari tahap kedua (level 2) ke tahap ketiga (level 3).
- ii) Menaikkan aktiviti kolam renang dari tahap ketiga (level 3) ke tahap keempat (level 4).
- iii) Manakala, aktiviti-aktiviti lain adalah tidak berubah.

6. Bagi arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*), kapasiti peroperasian akan dinaikkan kepada 80% dari kapasiti biasa pada satu-satu masa. Garispanduan bagi Arked dan Taman Permainan Kanak-Kanak Tahap 3 akan dimuat naik ke laman web Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, sukacita menarik perhatian orang ramai bahawa had perkumpulan ramai pada masa ini masih dikekalkan pada 350 orang pada satu-satu masa yang mana had ini adalah jumlah keseluruhan orang yang hadir di sesebuah acara iaitu termasuk semua jemputan, ahli keluarga penganjur, ahli jawatankuasa, petugas katering dan sesiapa sahaja yang hadir di acara tersebut. Garispanduan bagi perkumpulan ramai telah dimuat naik ke laman web Kementerian Kesihatan.

Dalam pada itu, garispanduan bagi Tahap 4 aktiviti kolam renang dan pengumuman lain yang berkaitan dengan kesukanan akan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

7. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan mengkehendaki orang ramai untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang berkaitan dengan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa pada masa ini.

i) Dengan ini, orang ramai adalah dikehendaki untuk menggunakan applikasi BruHealth dan mengimbas kod QR setiap kali apabila masuk dan keluar dari premis-premis terutama sekali di tempat-tempat awam seperti gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai runcit, restoran-restoran, establishmen kecantikan, kedai gunting dan lain-lain. Dalam pada itu, pengurus-pengurus premis perniagaan adalah dimestikan untuk memaparkan QR kod di tempat-tempat masuk masing-masing. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil serius penggunaan applikasi BruHealth terutama sekali dalam mengimbas QR kod ini kerana ia adalah penting dalam membantu Kementerian Kesihatan

melaksanakan pengesanan kontak (*contact tracing*) dengan segera, jika berlaku sebarang penularan jangkitan.

- ii) Orang ramai adalah juga dikehendaki untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian. Orang ramai khususnya para jemaah yang menghadiri sembahyang fardhu Jumaat adalah sekali lagi diingatkan bahawa memakai sungkup muka (*face mask*) adalah dimestikan ketika berada di dalam kawasan masjid, sebelum dan selepas mendirikan sembahyang, di samping membawa tikar sejadah sendiri dan mengimbas kod QR apabila memasuki masjid, surau atau balai-balai ibadah.

- iii) Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar akan mana-mana arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$5,000 atau boleh didakwa ke mahkamah yang membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan.
8. Sejak tindakan undang-undang mula dikuatkuasakan bagi arahan-arahan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini pada bulan Jun 2020 yang lalu hingga sekarang, sebanyak **891** premis perniagaan telah diperiksa di seluruh negara di mana **540** kesalahan telah didapati dan dikenakan denda kompaun. Kesalahan yang sering dilakukan ialah

pengendali makanan tidak memakai sungkup muka semasa berkerja.

9. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan bagi mempertimbangkan pengurangan langkah-langkah seterusnya. Jika situasi wabak kembali membimbangkan, Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk memperketatkan semula langkah-langkah penjarakan sosial yang perlu dilaksanakan untuk mengawal wabak tersebut. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari masa ke masa.

10. Kementerian Kesihatan juga ingin mengumumkan kepada orang ramai yang ingin membuat pembayaran ujian SARS-CoV-2 atau ujian swab bagi perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam, pembayaran tersebut bolehlah dibuat secara atas talian melalui link seperti yang tertera di skrin :

<https://www.healthinfo.gov.bn/entry-payment/#/user/login>).

Untuk makluman, dalam masa 7 hari sejak ia mula dibukakan sebanyak 47 bayaran telah dibuat secara atas talian.

11. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi Bruhealth.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 06 Safar 1442H / 24 September 2020